



DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia anak Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

Bil. Iklan: DBKU/9/2020

- 1 a) **Jawatan:** Penolong Juruukur (Tanah) Gred JA29
- b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara
- c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Kejuruteraan
- d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Pelaksana
- e) **Bahagian Yang Memerlukan:** Penyelenggaraan Infrastruktur

2. Jadual Gaji Penolong Juruukur Gred JA29:-

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>
RM 1,549.00	RM 5,701.00

3. Antara Skop Tugas Utama

- a) Membantu merancang dan menjalankan kerja GIS:-
 - i. Mengawasi kerja-kerja mengemaskini data inventori jalan
 - ii. Mengawasi kerja mengemaskini dan memperbaharui laporan peta baru
- b) Menyemak jadual kerja mingguan berdasarkan *Annual Work Programme*
- c) Menyelia kerja di tapak dan memastikan kerja mengikut standard spesifikasi seterusnya mengesahkan 'site diary'.
- d) Membantu merancang dan melaksanakan kerja-kerja penamaan jalan di kawasan DBKU.

4. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- b) (i) Sijil dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM 1,549.00); atau
(ii) Diploma dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM 1,935.02).
- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Dewan Bandaraya Kuching Utara
Tingkat 3, Bangunan DBKU
Bukit Siol, Jalan Semariang
Petra Jaya, 93050 Kuching

Pemohon di kalangan kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

Taraf Jawatan : Kontrak

Tarikh Akhir Permohonan : 7 September 2020

Catatan Am:

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.